

J.R. Syarikat Simplot

# Tatakelakuan



**Simplot**®

# Kandungan

Mesej daripada Presiden dan KPE .....	2
J.R. Tatakelakuan Syarikat Simplot: Legasi Integriti yang Berterusan .....	3
Cara Kami Menunjukkan Semangat Inovasi Kami .....	4
Cara Kami Menghormati Sumber Kami .....	6
Cara Kami Mempamerkan Keghairahan Kami terhadap Manusia .....	8
Cara Kami Menunjukkan Legasi Integriti Kami.....	12
Integriti dalam Tindakan Kami — Bekerja dengan Kod .....	15
Perlindungan daripada Pembalasan .....	16
Kesilapan Kod dan Tindakan Pemulihan.....	16
Meminta Bantuan dan Membangkitkan Masalah .....	17
Mengesahkan Komitmen Kami kepada Kod .....	17

# Mesej daripada Presiden dan KPE

J.R. Legasi integriti Syarikat Simplot adalah asas Tatakelakuan kami, dibina atas visi Simplot dan kemimpinan yang teguh J.R. "Jack" yang bermula lebih daripada 90 tahun dahulu. Banyak perubahan telah berlaku di Simplot sepanjang beberapa tahun, namun visi J.R. tetap kekal: bekerja keras, menjadi rakan kongsi yang baik, dan menganggap dunia sebagai sumber yang berharga untuk dihormati dan dilindungi pada setiap hari.

Tatakelakuan Syarikat Simplot mengambil mendekatan One Simplot terhadap tanggungjawab beretika dan sah untuk semua kakitangan Simplot di seluruh dunia. Kod ini bertujuan untuk digunakan sebagai panduan kepada nilai kami dan komitmen untuk mematuhi nilai ini.

Tatakelakuan ini terpakai kepada semua kakitangan, pegawai dan pengarah J.R. Syarikat Simplot dan subsidiari. Setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk membaca Kod, memahaminya, dan selalu menggunakanannya. Kod ini juga membantu kami membuat pilihan yang betul bila peraturan yang berkaitan tidak jelas.

Kami mengharapkan pemimpin kami menjadi contoh tentang apa maknanya beroperasi dengan Kod ini dan semua individu yang menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat kami, termasuk ejen dan kontraktor, mesti mematuhi prinsip Kod ini.

Dengan bertingkah laku menurut Tatakelakuan, kami boleh meletakkan nilai teras kami dalam setiap tindakan pada setiap hari. Kita boleh bersama-sama mengekalkan dan memastikan reputasi kita sebagai warga korporat yang baik.

Yang benar,



Garrett Lofto  
Presiden dan KPE

# J.R. Tatakelakuan Syarikat Simplot: Legasi Integriti yang Berterusan



## Tujuan Kami

Menyumbang kepada memberi  
makanan kepada dunia kami

## Misi kami

Menghidupkan sumber bumi

## Nilai Teras

- Keghairahan untuk manusia
- Semangat inovasi
- Menghormati sumber

Cara Kami Menunjukkan

# **Semangat Inovasi Kami**



# Cara Kami Menunjukkan Semangat Inovasi Kami

## Kami Mengambil Pandangan Syarikat: One Simplot

Kami mendakap peluang baru, mencipta dan meningkatkan produk dan perkhidmatan dengan menggunakan pemikiran baru, dan kami melaksanakannya dengan mengambil pandangan Syarikat. Walaupun kami menghargai kepelbagaian pemikiran, pengalaman, dan idea yang datang dari operasi kami di seluruh dunia, dalam semua keputusan kami, kami mengambil kira “gambaran besar”, mempromosikan kepentingan terbaik Simplot secara keseluruhan. Kami adalah One Simplot. Kami bercita-cita untuk mentadbir urus korporat dengan standard yang tinggi, yang bukan hanya memenuhi pematuhan undang-undang yang ketat tetapi juga menggunakan standard perniagaan beretika.

## Kami Fokus untuk Memberi Produk dan Perkhidmatan yang Terbaik

Kami akan meneruskan pencarian inovasi untuk mencipta produk dan perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi keperluan dan citarasa pelanggan yang kerap berubah. Kami berterusan mencari cara baharu dan lebih mampan untuk menanam dan memelihara tanaman, mengawas pertumbuhan dan pembangunan haiwan, dan mengeluarkan sumber mineral dari bumi. Kami berusaha untuk mencapai tahap kecekapan tertinggi dalam bidang pengeluaran makanan, pertanian dan sains pembuatan, serta dalam semua disiplin yang berkaitan yang meningkatkan nilai merentasi kesemua bahagian perniagaan kami. Kami mengekalkan standard etika yang tinggi dan produk dan perkhidmatan berkualiti kami adalah selamat untuk tujuan kegunaannya. Kami mereka cipta, membuat dan mengedar produk dan perkhidmatan kami yang konsisten dengan tanggungjawab kami kepada pelanggan kami, dan menurut undang-undang, standard dan peraturan yang berkaitan.


## Kami Melibatkan diri dalam Penyelidikan Saintifik Beretika

Kami melibatkan diri dalam penyelidikan saintifik beretika sambil meneroka idea yang baharu dan membangunkan teknologi dan produk baharu. Untuk memastikan penyelidikan kami beretika, kami mengikut protokol dan kawalan sewajarnya yang diluluskan, dengan menggunakan kajian semula setara atau semakan pengesahan kualiti, yang berpatutan. Data direkodkan dengan tepat, didokumentasikan sewajarnya dan boleh dicipta semula dengan baik, dan kami menggunakan analisis data dan statistik yang berpatutan.

## Kami Mencipta, Menguatkuaskan dan Menghormati Hak Harta Intelektual

Inovasi kami dilindungi oleh hak Harta Intelektual (IP). Kami berusaha untuk mencipta aset IP yang bermakna yang memenuhi tujuan perniagaan dan membantu mempertahankan dan mengeksplorasi hak kami pada teknologi, jenama, hak media, pengetahuan dan maklumat sulit yang unik kepada Syarikat. Aset IP termasuk paten, rahsia dagang, tanda dagangan, hak cipta, lesen dan hak untuk memberhentikan orang lain daripada membuat, menggunakan atau menjual idea dan inovasi kami. Oleh itu, portfolio IP Syarikat kami adalah aset tidak ketara utama yang bernilai tinggi kepada Syarikat. Kami juga menghormati hak harta intelektual dan maklumat sulit syarikat lain dan kami tidak akan dengan mengetahui atau sengaja melanggar, menyalahgunakan atau menyelewangkan IP pihak ketiga.

# Cara Kami Menghormati **Sumber Kami**



# Cara Kami Menghormati Sumber Kami

## Mengambil Pandangan Mampan, Berjangka Masa Panjang

Kami memilih untuk mewujudkan masa depan yang mampan melalui menghormati sumber, memupuk inovasi yang mencapai lebih banyak dengan kurang tanpa berlebih-lebihan dan menghargai individu di dalam komuniti di mana kami bekerja, memberikan nilai ekonomi pada setiap langkah. Kami dengan aktif melibatkan pelanggan kami yang mengharapkan kami untuk menyertai mereka di jalan menuju masa depan yang mampan.

Kami percaya bahawa Simplot boleh menjadi sumber inspirasi bagi pendidikan, inovasi dan kepemimpinan apabila kami menghidupkan sumber bumi, secara mampan. Kami membawa ketangkasan perniagaan untuk bekerjasama dengan pelanggan korporat terbesar kami untuk menangani isu global. Sebagai contoh, kami adalah pengasas bersama *Inisiatif Kelestarian Kentang*, ahli Meja Bulat untuk “*Sustainable Beef and Field to Market*”, rakan kongsi kepada *Majlis Pengawasan Marin*, pemimpin aktif dalam *Program Pengawasan Nutrisi 4R* dengan *Institut Fertilizer*, dan peserta dalam beberapa inisiatif industri lain untuk menggalakkan kerjasama pra-persaingan mengenai topik kemapanan untuk mewujudkan dunia yang lebih baik. Semasa kami mendapat bahan mentah untuk produk kami, kami berusaha untuk bekerja pada tanah dengan peladang individu untuk membaiki amalan dan tabiat tempatan.

## Melindungi Alam Persekutaran Kami

Kami komited untuk merlindungi alam persekitaran melalui pengurusan sumber semula jadi yang bertanggungjawab. Kami menyokong pertanian, perikanan, pelombongan dan pembuatan lestari untuk melindungi sumber untuk generasi akan datang. Dengan memelihara tenaga, memulihguna dan mengitar semula air, dan memelihara habitat kritikal, kami bekerja di seluruh perniagaan kami untuk menjaga sumber bumi dengan berhati-hati.

Kami komited untuk mematuhi segala undang-undang dan peraturan terpakai untuk merlindungi alam persekitaran dan berusaha untuk pembangunan berterusan. Kami berterusan mencari cara baru untuk menambahbaiki produk, pembungkusan dan perkilangan untuk mengurangkan kesan kepada alam persekitaran kami. Kami juga komited untuk mengurangkan bahan buangan, penggunaan tenaga dan air di seluruh operasi kami: mencari cara untuk mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula.

Kami mengharapkan pembekal kami untuk mempunyai pelan dan program alam persekitaran yang berpatutan yang memenuhi standard kami.

## Menjaga Kesejahteraan Haiwan


Di Simplot, kami melihat kebijakan haiwan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat dan sosial kami, yang merangkumi setiap aspek perniagaan dan sumber kami. Kami komited kepada kesihatan haiwan yang baik, pengendalian yang sewajarnya dan penjagaan berperikemanusiaan. Kami penjaga haiwan dalam penjagaan kami. Ini adalah satu unsur penting bagi pembuatan makanan yang bertanggungjawab, dan yang kami mengambil berat dengannya.

## Menggalakkan Pengawasan Produk

Kami komited kepada pengurusan yang bertanggungjawab terhadap produk kami di seluruh kitaran hayat mereka. Kami menggalakkan pengawasan produk dengan menilai sama ada produk dan teknologi tersebut selamat dan bertanggungjawab terhadap alam persekitaran. Kami juga menerangkan dan menggalakkan penggunaan produk dan teknologi dengan sewajarnya dan bertanggungjawap, sejajar dengan standart dan prinsip komuniti.

Cara Kami Mempamerkan

# **Keghairahan Kami terhadap Manusia**



# Cara Kami Mempamerkan Keghairahan Kami terhadap Manusia

## Mencipta Tempat Kerja yang Selamat dan Sihat

### Keselamatan Tempat Kerja

Kami komited untuk menyediakan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat dan kami berazam untuk mencapai tempat kerja bebas kecederaan. Kami komited kepada kesejahteraan dan keselamatan orang kami kerana kami tahu bahawa orang kami adalah aset terbesar kami. Kami mempunyai rangka kerja keselamatan yang komprehensif dan berkembang untuk mencapai penambahbaikan berterusan sekitar keselamatan dan sekuriti seluruh tempat kerja kami.

Kami menyedari bahawa penjagaan kesihatan dan keselamatan kakitangan kami bergantung bukan sahaja kepada kemudahan dan kelengkapan yang baik secara teknikal, tetapi kepada penciptaan budaya yang berfokus kepada keselamatan. Kami percaya kesihatan dan keselamatan adalah tanggungjawab utama setiap kakitangan dan harapan kami adalah untuk semua kakitangan secara aktif menjaga keselamatan diri mereka dan keselamatan diri orang lain. Kakitangan kami mesti sentiasa menyedari persekitaran mereka dan memahami peraturan dan prosedur khusus yang berkaitan dengan operasi mereka. Kami menganggap satu kecederaan adalah banyak, kerana yang pentingnya kami mahu semua kakitangan pulang kepada keluarga tanpa kecederaan pada penghujung hari.

Sekiranya kakitangan menghadapi keadaan di mana beliau tidak berasa selamat, atau percaya beliau telah diberikan tugas yang beliau tidak layak, dilatih atau dapat diselesaikan dengan selamat, kakitangan itu harus memberhentikan kerja dan bersuara. Penyelia atau ahli pasukan Sekuriti dan Keselamatan Kesihatan Alam Persekutaran perlu dimaklumkan dengan serta-merta. Untuk maklumat lajur sila kaji dasar Keselamatan dan Kesihatan Alam Persekutaran kami.

### Dadah dan Alkohol

Kami komited untuk melindungi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan semua pekerja. Oleh itu adalah penting yang pertimbangan kakitangan adalah jelas dan tidak terjejas oleh dadah atau alkohol. Tiada seorangpun kakitangan Simplot yang harus menjalankan kerja semasa di bawah pengaruh alkohol atau ubat-ubatan yang tidak sesuai kerana ini mewujudkan persekitaran kerja yang tidak selamat untuk semua orang.

Alkohol boleh dihidang semasa acara Syarikat yang dibenarkan. Walaupun dalam keadaan ini, semua pekerja diharap menggunakan kesederhanaan dan pertimbangan yang baik.

### Keganasan di Tempat Kerja

Tempat kerja yang selamat dan dilindungi adalah kritikal dan kami tidak akan bertolak ansur dengan perbuatan dan ancaman keganasan di tempat kerja kerana mereka memberi kesan negatif terhadap sekuriti, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kami melarang sebarang perbuatan ganas atau agresif secara fizikal, walapun ia berniat sebagai lawak jenaka.

Sekiranya anda atau seseorang yang anda tahu telah menerima ancaman keganasan atau menjadi mangsa tindakan ganas, anda mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan situasi dengan serta-merta. Sekiranya anda, rakan sekerja anda atau sebarang individu lain yang menjalankan perniagaan dengan J.R. Syarikat Simplot berada dalam keadaan mencemaskan, hubungi pihak berkuasa tempatan dan kemudian Keselamatan Global. Akhirnya, buat susulan dengan pengurus anda atau sumber lain yang disenaraikan dalam Kod ini.

## **Memastikan Layanan yang Adil**

Kami komited kepada layanan yang adil untuk semua kakitangan. Setiap kakitangan Simplot mempunyai hak untuk dilayan dengan sama dan dengan hormat, bermaruah dan beradab. Kami membuat semua keputusan pekerjaan, termasuk pemilihan dan pengekalan, berdasarkan keupayaan seseorang untuk melaksanakan tugas mereka dan menyumbang kepada perniagaan.

Simplot komited untuk menyediakan persekitaran yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan. Semua kakitangan Simplot mempunyai hak untuk hadir di tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi, gangguan, ancaman, intimidasi dan keganasan tanpa mengira sifat atau asasnya.

Simplot melarang sebarang bentuk gangguan, sama ada berdasarkan bangsa, warna, asal etnik atau kebangsaan, umur, jantina, orientasi seksual yang nyata atau disyaki, identiti jantina, agama atau gabungan keagamaan, ketidakupayaan atau ciri peribadi yang lain. Sekiranya masalah sedemikian timbul, kakitangan perlu bersuara tanpa takut kepada pembalasan dendam.

Kakitangan boleh menjangka bahawa sebarang kejadian diskriminasi, gangguan, ancaman, intimidasi atau keganasan akan tertakluk kepada tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk pemecatan, atau liabiliti civil atau jenayah.

## **Standard Buruh yang Adil**

Di Simplot, kami menyokong hak asasi manusia yang utama untuk semua orang dan kami berusaha untuk menghormati dan mempromosikan hak asasi manusia dengan menjalankan aktiviti kami selaras dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami melarang penggunaan semua bentuk buruh paksa, termasuk perhambaan, paksaan, terikat, ditahan atau buruh banduan tanpa rela dan apa-apa bentuk pemerdagangan atau eksploitasi manusia, termasuk pengimportan barang yang dicemari oleh perhambaan atau pemerdagangan manusia. Kami melarang penggajian perkerja di bawah umur atau buruh paksa dan kami juga mengharamkan hukuman atau penyalahgunaan fizikal. Dalam amalan penggajian kami, kami menghormati hak kakitangan untuk mengaitkan atau tidak bersekutu dengan sebarang kumpulan, seperti yang dibenarkan oleh dan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kami mematuhi undang-undang pekerjaan di setiap pasaran di mana kami beroperasi.

## **Menghormati Perbezaan Kami**

Simplot mendakap dan meraikan perbezaan, dan kepelbagaiannya nilai. Kami komited untuk peluang yang sama untuk semua orang, termasuk kakitangan dan pemohon. Kami percaya bahawa kakitangan kami di seluruh dunia berhak mendapat layanan dengan adil, hormat dan bermaruah. Kami menghormati atribut dan perspektif unik setiap kakitangan kerana sebagai syarikat global kami percaya bahawa memanfaatkan pelbagai idea, pengalaman dan latar belakang membina budaya yang inovatif dan dinamik, membantu hubungan kami dan memastikan kejayaan.

## **Menjaga Pelanggan dan Pengguna**

Kami bangga dengan produk kami, dan jenama kami menawarkan nilai dan kualiti kepada pelanggan dan pengguna. Kami komited pada kesihatan dan kesejahteraan pengguna kami, dan kami menawarkan pelbagai pilihan produk untuk memenuhi keperluan dan keutamaan mereka. Kami menyediakan maklumat pemakanan berdasarkan fakta untuk membolehkan pelanggan membuat pilihan pemakanan yang bermaklumat untuk diri mereka sendiri dan keluarga mereka. Kami mengambil dengan serius cabaran untuk mempromosikan dan meningkatkan kesihatan pengguna melalui produk makanan yang kami tawarkan. Untuk produk seperti nutrien tanaman, suplemen kesihatan haiwan, dan benih dan bekalan, matlamat kami adalah untuk menawarkan produk yang selamat, berkesan, dan progresif yang membantu memberi makan kepada dunia, hari ini dan esok.

### **Keselamatan Makanan**

Ia adalah penting bagi makanan yang kami buat untuk pelanggan kami adalah selamat. Ia bukan sahaja keselamatan makanan adalah sebahagian daripada tanggungjawab kami sebagai warga korporat yang baik, ia juga penting untuk pertumbuhan dan keuntungan perniagaan kami yang berterusan. Kami mengambil langkah ketat untuk memastikan standard keselamatan dan kualiti kami memenuhi atau melebihi keperluan kerajaan yang berkaitan dan kami menyokong langkah tambahan untuk membantu melindungi pengguna dan memastikan keselamatan bekalan makanan kami. Kami juga bekerjasama dengan pembekal untuk memastikan ramuan dipantau, diuji dan dijejak. Akhir sekali, ia adalah tanggungjawab setiap kakitangan Simplot untuk mematuhi semua dasar dan prosedur keselamatan dan kebersihan yang berkaitan.

### **Keselamatan Produk**

Simplot mempromosikan standard yang tertinggi dalam keselamatan produk. Pengguna mengharapkan produk yang mereka beli selamat dan kami tahu bahawa keselamatan produk juga penting untuk reputasi kami. Untuk memupuk keyakinan terhadap produk kami, kami memenuhi atau melebihi keperluan undang-undang yang digunakan pada keselamatan produk kami. Mana-mana kakitangan yang terlibat dalam pengurusan atau pengendalian bahan mentah, proses pengeluaran atau produk siap mesti mematuhi dasar Syarikat dan prosedur keselamatan produk untuk mencegah pencemaran, kemerosotan atau pengubahan material yang tidak sesuai.

## **Menyumbang kepada Komuniti Kami**


Simplot komited untuk menyokong komuniti di mana kami berada, terlibat dengan program masyarakat yang membuat perbezaan nyata dan jangka panjang terhadap individu, masyarakat dan alam sekitar.

Walaupun inisiatif kami dalam banyak bentuk yang berbeza, mereka berkongsi unsur yang sama: kami melabur pada potensi yang kita lihat di sekeliling kami. Ini bermakna kami berusaha memperkayakan masyarakat keseluruhannya melalui sokongan seni, perniagaan, pendidikan komuniti dan belia. Walaupun kami membuat pelaburan kewangan dalam komuniti ini, kami juga berusaha untuk membuat pelaburan yang meningkatkan kualiti hidup untuk rakyat.

Inisiatif kami juga termasuk memperkasakan kakitangan kami untuk mendakap gaya hidup yang sihat.

Cara Kami Menunjukkan

# **Legasi Integriti Kami**

A black and white photograph of a man in a dark suit, white shirt, and patterned tie. He is wearing a fedora-style hat and has a serious, slightly weary expression. He is holding a large, yellowish-brown potato in his right hand, which is positioned in front of him. His left hand is partially visible at the bottom left corner of the frame. The background is a plain, light-colored wall.

# Cara Kami Menunjukkan Legasi Integriti Kami

## Kami Mencipta dan Mengelakkan Rekod yang Tepat

Penyimpanan rekod dan pelaporan yang tepat adalah sangat penting untuk reputasi dan kredibiliti Simplot. Semua kakitangan perlu pastikan bahawa maklumat perniagaan yang mereka rekod adalah jujur, tepat dan tepat pada masanya. Semua rekod kewangan mesti mencerminkan transaksi Syarikat kami dengan tepat dan mematuhi piawaian perakaunan dan dasar kewangan yang dipersetujui secara amnya. Kami melarang penggunaan dana dan transaksi yang tidak didedahkan. Semua rekod dan dokumen perniagaan mestilah benar, tepat dan lengkap, dan disimpan selaras dengan dasar dan prosedur penyimpanan dokumen Simplot.

## Kami Bersaing dengan Adil dan Mematuhi Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa

Sebagai sebuah Syarikat, kami mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi undang-undang dan peraturan perdagangan di negara-negara di mana kami menjalankan perniagaan. Kami akan bersaing dengan adil di semua pasaran di mana kami beroperasi selaras dengan undang-undang antitrust dan persaingan yang sesuai. Kami komited untuk mengikuti semua undang-undang perdagangan antarabangsa yang terpakai, termasuk peraturan kawalan import dan eksport, mematuhi undang-undang sekatan dan anti-boikot.

## Kami Komited kepada Pengiklanan yang Jujur dan Standard Pemasaran

Kami percaya pengiklanan dan pemasaran yang bertanggungjawab membantu kami untuk memaklumkan kepada pelanggan dan pengguna tentang manfaat produk dan inovasi kami. Produk kami diiklankan dan dipasarkan secara adil, berdasarkan fakta-fakta. Kakitangan mesti mematuhi dasar kami yang berkaitan dengan kelulusan pelabelan, pengiklanan, pembungkusan, penarikbalikan dan prosedur yang berkaitan.

## Kami Mengelakkan Konflik Kepentingan

Kami tidak terlibat dalam aktiviti yang mencipta, atau kelihatan mencipta, konflik antara kepentingan peribadi dan kepentingan Simplot. Kami tidak menerima penghargaan perniagaan (seperti hadiah, pertolongan atau hiburan) yang mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada yang kami dapat membalaaskan dengan wajar, atau yang mewajibkan atau kelihatan mewajibkan untuk kami bertindak dengan cara yang bertentangan dengan Kod kami atau undang-undang. Semua kakitangan mesti mengelakkan aktiviti dan kepentingan peribadi yang boleh konflik dengan tanggungjawab mereka kepada Simplot. Kakitangan tidak boleh mencari keuntungan kewangan untuk diri mereka sendiri atau menyalahgunakan kedudukan yang mereka pegang.

Kami menghormati hak pekerja kami untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik pilihan mereka. Pekerja mestilah menjelaskan bahawa kegiatan politik atau sivik yang mereka lakukan adalah pandangan dan tindakan mereka dan bukannya Syarikat.

## Kami Enggan Membuat Bayaran yang Tidak Wajar

Simplot komited untuk mengekalkan standard etika yang tinggi semasa berurusan dengan pegawai awam, syarikat lain dan rakyat biasa. Simplot melarang segala bentuk sogokan dan tindakan rasuah. Kakitangan tidak boleh berusaha untuk mempengaruhi orang lain, secara langsung atau tidak langsung, dengan menjanjikan atau membayar rasuah atau sogokan atau terlibat dalam sebarang tindakan lain yang tidak beretika atau akan merosakkan reputasi kami untuk integriti. Kakitangan tidak seharusnya menerima atau menawarkan sebarang hadiah atau bayaran yang, atau boleh diertikan sebagai, rasuah.

## **Kami Melindungi Aset Syarikat dan Kami Menggunakan Teknologi Komunikasi Elektronik dengan Bertanggungjawab dan Profesional**

Aset Simplot adalah penting untuk daya saing dan kejayaan perniagaan kami. Aset kami diberikan kepada kakitangan kami untuk menjalankan perniagaan syarikat yang berkesan. Semua kakitangan mesti melindungi aset-aset yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, wang tunai, peralatan fizikal di bangunan pemprosesan dan pembuatan kami, komputer, telefon bimbit dan peralatan kerja peribadi. Kecurian, penipuan atau penyelewengan aset Syarikat oleh kakitangan adalah dilarang sama sekali. Teknologi Syarikat hanya boleh digunakan untuk aktiviti perniagaan yang sah oleh individu yang diberi kuasa. Akses kepada, dan penggunaan, teknologi Syarikat mestilah bertanggungjawab, profesional dan mematuhi dasar Kod dan Syarikat.

## **Kami Melindungi Maklumat dan Data Sulit**

Maklumat dan data Syarikat adalah berharga kepada Simplot. Semua pekerja mesti melindungi maklumat Syarikat yang tidak dimaksudkan untuk didedahkan secara terbuka. Kakitangan tidak boleh mendedahkan maklumat sulit Syarikat, seperti aktiviti penyelidikan dan pembangunan, laporan jualan dan keuntungan, pelan pemasaran, proses pembuatan, potensi pemerolehan atau pelaburan, dan/atau harga yang dibayar untuk bekalan dan rahsia niaga yang lain. Semua kakitangan harus menghormati kesulitan dan privasi maklumat peribadi orang lain.

## **Kami Menghormati Privasi dan Data Kakitangan**

Kami mengiktiraf dan menghormati maklumat privasi peribadi kakitangan, pelanggan, pembekal dan pihak lain yang kami berinteraksi dengannya. Kami mengumpul dan memproses maklumat peribadi untuk tujuan perniagaan dan kami berbuat demikian dengan kaedah yang sah dan telus. Kami mengambil langkah yang munasabah untuk melindungi keselamatan rekod kami yang mengandungi maklumat peribadi, dan memastikan rekod ini disimpankan dengan baik.

## **Kami Melibatkan Pembekal dan Rakan Kongsi Perniagaan yang Berpatutan**

Kami percaya untuk membuat urus niaga hanya dengan pembekal, kontraktor dan pelanggan yang mendakap standard etika tingkah laku perniagaan yang tinggi. Kami menngharapkan pembekal dan rakan kongsi niaga kami mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan untuk mematuhi prinsip Kod kami. Kami tidak akan dengan sengaja menggunakan pembekal yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan pekerjaan, alam sekitar atau keselamatan. Kami tidak akan menjalankan perniagaan dengan sebarang pembekal yang menggunakan kanak-kanak, banduan atau buruh paksa, atau terlibat dalam sebarang amalan pekerjaan tidak beretika yang lain. Setelah mempertimbangkan tawaran melalui pembidaan, kami akan membeli barang atau perkhidmatan berdasarkan nilai, kualiti, pematuhan pada standard kami, dan keupayaan pembekal untuk memenuhi keperluan kami. Hubungan peribadi atau keluarga tidak boleh mempengaruhi keputusan kakitangan untuk memberi kontrak kepada pembekal.

Integriti Dalam Tindakan Kami  
**Bekerja dengan Kod**

The image is a composite of two scenes. The upper half shows a clear blue sky with scattered white clouds over a calm sea. In the distance, a small, densely forested island is visible. A small white boat with a blue stripe is positioned near the right side of the island. The lower half of the image is a close-up view of a large school of fish swimming in deep blue water. The fish are silvery-blue with dark fins, moving in a coordinated, swirling pattern. The water has a slight texture from the sunlight hitting the surface.

# **Integriti dalam Tindakan Kami - Bekerja dengan Kod**

Di Simplot, integriti tidak boleh dirunding. Kami mempunyai komitmen yang teguh kepada kejujuran, kualiti dan saling hormat dan menghormati. Kami akan jujur kepada pernyataan kami dan memberikan apa yang kami janjikan.

Simplot melarang segala bentuk aktiviti fraud. Fraud termasuk, tetapi tidak terhad kepada perbuatan yang tidak jujur atau menipu; pennggelapan; pemalsuan atau pengubahan instrumen atau dokumen boleh niaga; penyelewengan aset Syarikat, kakitangan, pelanggan, rakan kongsi atau pembekal; penukaran kepada penggunaan peribadi mana-mana aset Syarikat; dan pemalsuan rekod Syarikat atau penyata kewangan.

Semua kakitangan dikehendaki mematuhi semua undang-undang dan Kod yang terpakai di mana sahaja kami menjalankan perniagaan, tetapi jika undang-undang itu bertentangan dengan Kod, kami akan mematuhi undang-undang. Dasar unit korporat dan perniagaan juga boleh digunakan dan sebagai tambahan kepada Kod. Adalah tanggungjawab setiap kakitangan untuk memahami undang-undang yang terpakai di mana kami beroperasi dan untuk membaca dan memahami Kod.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai kebolehgunaan sebarang undang-undang, anda perlu menghubungi Jabatan Undang-Undang. Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan mengenai cara menggunakan Kod, gunakan sumber yang ditetapkan dalam Kod - Seksyen [Meminta Bantuan dan Membangkitkan Kebimbangan](#).

## **Perlindungan daripada Pembalasan Dendam**

Semua kakitangan bertanggungjawab memastikan Simplot mencapai matlamat perniagaan kami dengan cara yang betul; mengelakkan risiko yang tidak perlu dan memelihara reputasi kami. Semua kakitangan mempunyai tanggungjawab peribadi untuk mengemukakan soalan atau kebimbangan dan melaporkan salah laku.

Simplot tidak akan bertindak ke atas kakitangan kerana membangkitkan isu etika atau undang-undang dengan niat yang baik. Kami tidak mentoleransi terhadap sebarang lawan balas oleh sebarang individu ke atas kakitangan yang membangkitkan kebimbangan atau membuat laporan dengan niat yang baik.

Kami akan menyiasat segala kebimbangan yang dibangkitkan. Siasatan akan dikendalikan secara sulit setakat hanya pihak-pihak yang mempunyai keperluan pasti untuk mengetahui akan terlibat. Semua laporan salah laku mesti dibuat dengan niat yang baik. Seperti salah laku yang lain, mengisi laporan yang palsu atau mengelirukan secara sengaja akan diakhiri dengan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemecatan jawatan.

## **Kesilapan Kod dan Tindakan Pemulihan**

Kepatuhan kepada Tatakelakuan ini adalah satu unsur penting dalam kejayaan perniagaan kami. Pegawai Etika dan Pematuhan Global akan menyelia pentadbiran Tatakelakuan dan penyelesaian isu etika dan pematuhan yang dibangkitkan oleh kakitangan selaras dengan unit Undang-Undang, Sumber Manusia, Perkhidmatan Global dan perniagaan yang terlibat.



## **Meminta Bantuan dan Menyuarkan Kebimbangan**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Tatakelakuan, anda perlu berbincang dengan pengurus anda atau salah satu sumber yang disenaraikan di bawah. Jika anda menghadapi situasi atau isu yang merupakan atau mungkin merupakan pelanggaran Tatakelakuan, anda perlu mengambil langkah yang sesuai untuk menanganinya.

Panduan dan sokongan boleh didapati daripada beberapa sumber berlainan:

- **Pasukan Pengurusan Anda.** Anda boleh mengutarakan pertanyaan atau kebimbangan anda kepada pengurus anda, atau jika anda tidak percaya pengurus anda telah mengambil tindakan yang sewajarnya, anda juga boleh mengutarakan pertanyaan atau kebimbangan anda kepada ahli pasukan pengurusan yang lain.
- **Sumber Manusia.** Anda boleh bercakap secara terus dan jujur dengan wakil HR anda jika anda tidak jelas tentang tindakan terbaik dalam sebarang situasi tertentu.
- **Jabatan Perundangan.** Anda boleh mendapatkan panduan dan nasihat daripada mana-mana ahli Jabatan Perundangan, atau Penasihat Undang-undang kita.
- **Talian Penting Pekerja Simplot.** Anda boleh melaporkan pelanggaran standard yang dinyatakan dalam tatakelakuan, atau mana-mana kebimbangan lain yang serius secara tanpa nama, melalui Talian Penting Pelaporan Pekerja, yang tersedia melalui Internet di [Employeereportinghotline.simplot.com](http://Employeereportinghotline.simplot.com).

## **Mengesahkan Komitmen Kami kepada Kod**

Walaupun banyak faktor telah menyumbang kepada kejayaan Simplot, asasnya adalah penggabungan J.R. kepimpinan teguh Simplot dan keghairahan beliau terhadap kesejahteraan kakitangan dan kepuasan profesionalnya. Persimpangan antara kepemimpinan dan kepuasan profesional adalah penghormatan: apabila kami mengikuti Nilai Teras kami, dan menghormati antara satu sama lain dan sumber bumi, pendekatan etika akan mengikut secara semula jadi.

Apabila kami berjanji untuk memastikan setiap seorang dipertanggungjawabkan menerusi perbualan dan tindakan yang berhormat, kami akan menegakkan nilai-nilai dan etika One Simplot. Sebagai sebahagian daripada memastikan Kod dan komitmen ini difahami dan dipatuhi di seluruh dunia, Syarikat akan melancarkan aktiviti untuk memastikan Kod dikaji, difahami dan dipersetujui oleh semua kakitangan dan/atau pihak ketiga yang berkenaan.



© 2019 J.R. Syarikat Simplot. Hak cipta terpelihara. Simplot® ialah cap dagang berdaftar J.R. Syarikat Simplot. 0419R



Sila rujuk [Simplot.com](http://Simplot.com) untuk memastikan anda mempunyai versi Tatakelakuan Syarikat Simplot J.R yang terkini.